



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**29 JUN 2021 (SELASA)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**29 JUN 2021 (SELASA)**

## KPDNHEP tolak permohonan peniaga, industri mahu naikkan harga

**PUTRAJAYA** - Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menolak permohonan peniaga dan industri untuk menaikkan harga barangan serta perkhidmatan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, situasi semasa bukanlah waktu sesuai untuk peniaga dan industri bertindak sedemikian.

"Langkah ini tentunya akan menambahkan beban kepada pengguna yang

semangannya telah terkesan dengan pandemik Covid-19," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, kementerian berusaha memastikan kelangsungan ekonomi domestik dapat berjalan dengan baik.

"KPDNHEP mengambil maklum permohonan yang diterima daripada beberapa syarikat dan industri yang berhasrat menaikkan harga produk keluaran mereka.

"Ia melibatkan pelbagai jenis produk

makanan, dan bahan makanan serta barangan keperluan harian yang lain," katanya.

Beliau berkata, kementerian bertanggungjawab melindungi hak dan kepentingan pengguna bagi mewujudkan situasi menang-menang kepada kedua-dua belah pihak.

Sehubungan itu, Alexander menggesa semua pihak, komuniti peniaga dan pengguna agar menumpukan perhatian serta

usaha menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) terutama bagi menurunkan kes harian dan meningkatkan kecapaian imunisasi kelompok.

"KPDNHEP telah memohon kepada kerajaan untuk menggerakkan program imunisasi khusus untuk barisan hadapan ekonomi supaya negara boleh bergerak ke arah pembukaan lebih banyak sektor ekonomi apabila semua terlibat menjalani imunisasi sepenuhnya," kata Alexander.

## Harga minyak masak 5kg tidak lebih RM30

**PUTRAJAYA** - Bagi menangani isu kenaikan harga minyak masak botol lima kilogram (kg), harga kawalan berasaskan nilai ambang minyak sawit mentah ditetapkan tidak melebihi RM30 sebotol.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan juga memperuntukkan dana tambahan sebanyak RM1 bilion bagi memastikan bekalan minyak masak pek polibeg 1kg terjamin.

"Melalui tambahan peruntukan ini, rakyat masih dapat membeli minyak masak pek polibeg 1kg pada harga bersubsidi RM2.50," katanya.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, kerajaan juga akan meneruskan dasar pengawalan harga barang perlu.

"Walaupun harga komoditi di peringkat global meningkat, kerajaan akan terus mengekalkan harga runcit petrol RON95, diesel dan LPG melibatkan subsidi melebihi RM6 bilion tahun ini," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga bersetuju memperuntukkan RM300,000 kepada setiap ahli Parlimen termasuk pembangkang untuk melaksanakan Bantuan Bakul Makanan kepada golongan terjejas di kawasan masing-masing.

## ***RON95, diesel dan LPG tak naik harga***

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan terus mengekalkan harga runcit bagi petrol RON95, diesel dan LPG yang dijangka membabitkan subsidi melebihi RM6 bilion tahun ini.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, selain itu untuk menangani isu kenaikan harga minyak masak botol satu hingga lima kilogram (kg), kerajaan akan melaksanakan program harga kawalan berasaskan nilai am-

bang *Crude Palm Oil*.

"Melalui program ini, sebagai contoh, harga minyak masak botol lima kg dapat dikawal supaya tidak melebihi RM30 sebotol," katanya dalam pengumuman khas Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan), semalam.

Muhyiddin berkata, untuk memastikan bekalan minyak masak pek polibeg satu kg terjamin, kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion.

## Bantuan untuk semua golongan

**PUTRAJAYA** – Kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM150 bilion untuk dinikmati oleh golongan miskin tegar, B40, M40 dan T20 menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pakej itu antara lain meliputi bantuan tunai langsung kepada rakyat berjumlah RM10 bilion merangkumi Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) sehingga Disember berjumlah RM4.9 bilion, Bantuan Khas Covid-19 (BKC) kepada isi rumah dan golongan bujang serta Bantuan Kehilangan Pendapatan.

Beliau berkata, BKC dijangka memanfaatkan lebih 11 juta isi rumah dan individu warga emas serta bujang dengan peruntukan RM4.6 bilion.

Di bawah BKC, Muhyiddin memaklumkan, isi rumah miskin tegar akan menerima RM500 pada Ogos dan November serta RM300 pada Disember, manakala individu bujang kategori sama menerima bantuan sebanyak RM200 (Ogos) dan RM300 (November).

"B40 pula akan menerima bantuan RM500 pada Ogos dan RM300 pada Disember, manakala RM200 untuk individu bujang.

"Kategori M40 pula akan menikmati bantuan sebanyak RM250, manakala orang bujang pula RM100 pada Ogos," katanya ketika mengumumkan Pemulih semalam.

Tambahnya, bayaran tambahan BPR sehingga RM500 akan dibayar secara berperingkat mulai hari ini.

"BPR fasa ketiga pula dengan kadar bantuan antara RM100 sehingga RM1,400 akan dibayar September ini selain bayaran ke atas kes lulus rayuan BPR turut akan dibayar pada bulan sama," katanya.

Menurut Muhyiddin, Ban-

tuan kehilangan pendapatan dijangka memanfaatkan sehingga sejuta individu melibatkan implikasi kewangan RM500 juta buat mereka yang hilang punca pendapatan berdasarkan data Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Pada masa sama, Muhyiddin berkata, kerajaan akan memperluas Elaun Mencari Pekerjaan kepada bukan pencazum Perkeso terutama graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal.

"Mereka boleh mendaftar di bawah platform MYFutureJobs bagi menerima elaun sekurang-kurangnya RM300," ujarnya.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, kerajaan akan melaksanakan program Harga Kawalan berasaskan nilai ambang *Crude Palm Oil* untuk menangani isu kenaikan harga minyak masak botol 1 hingga 5 kilogram (kg) supaya ia tidak melebihi RM30.

Menurutnya, kerajaan juga akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion bagi memastikan bekalan minyak masak pek polibeg 1kg terjamin selain membolehkan rakyat terus menikmati harga bersubsidi RM2.50.

"Kerajaan juga akan terus mengekalkan harga runcit bagi petrol RON95, diesel dan LPG," katanya.

Muhyiddin berkata, kerajaan bersetuju memberikan potongan antara 5 hingga 40 peratus bil elektrik mengikut penggunaan dengan had maksimum 900 kilowatt jam sebulan berkuat kuasa bagi tempoh tiga bulan mulai bil Julai ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, seramai 44 juta pelanggan berdaftar akan menikmati lanjutan pemberian 1 gigabit data harian percuma sehingga 31 Disember depan.

### Info Pemulih

- Bayaran tambahan BPR secara berperingkat mulai hari ini
- BPR fasa ketiga dengan kadar bantuan antara RM100 hingga RM1,400
- Pemberian BKC kepada golongan miskin tegar, B40 dan M40
- Isi rumah miskin tegar menerima bantuan RM1,800
- Isi rumah B40 terima RM800, bujang RM200
- Isi rumah M40 terima RM250, bujang RM100
- Bantuan kehilangan pendapatan sebanyak RM500
- Memperluas Elaun Mencari Pekerjaan dengan bayaran RM300
- Kawal harga minyak masak botol tidak lebih RM30
- Peruntukan RM1 bilion untuk minyak polibeg
- Diskaun bil elektrik
- Harga runcit RON95, diesel dan LPG dikekalkan
- Bantuan bakul makanan dengan peruntukan RM10 juta
- Lanjutan pemberian 1 gigabit data harian
- Pengeluaran i-Citra kepada pencaerum KWSP
- Pemberian moratorium untuk peminjam PTPTN
- Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran JPA, Mara dan PTPK
- Bayaran polisi insurans dan takaful ditangguhkan
- Pemberian moratorium enam bulan

# peMulih

Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi

**RM150 bilion**  
 3 FOKUS UTAMA

## MENERUSKAN AGENDA PRIHATIN RAKYAT



**BPR TAMBAHAN PEMERKASA+**  
**RM4.9 bilion**

**PROGRAM BAKUL MAKANAN**



Peruntukan **RM300,000**  
 Bagi Setiap Ahli Parlimen **RM10 juta**  
 Untuk masyarakat Orang Asli

**REBAT ELEKTRIK PENGGUNA DOMESTIK**

Diskaun Bil Letrik 5 - 40%

**RM346 juta**

**REBAT ELEKTRIK SEKTOR EKONOMI YANG TERJEJAS**

Diskaun Bil Letrik 10%  
 Sehingga Disember 2021

**RM1 bilion**  
 Keseluruhan



**BANTUAN KHAS COVID-19 (BKC)**  
**RM4.6 bilion**

Memanfaatkan >11 juta isi rumah, individu warga emas serta bujang

KATEGORI PENERIMA	KELAYAKAN	
	Isi Rumah	Bujang
B40	RM800	RM200
Miskin Tegar	RM1,300	RM500
M40	RM250	RM100



**SUBSIDI BAHAN API**  
**>RM6 bilion**  
 Petrol RON95, diesel & LPG

**PENAMBAHBAIKAN LANGKAH KAWALAN HARGA MINYAK MASAK**

**RM30/botol**

Harga siling  
 Subsidi Tambahan **RM1 bilion**  
 Subsidi pek polibeg 1KG  
 dikekalkan pada RM2.50



**ELAUN MENCARI PEKERJAAN**



**MYFutureJobs**

Perluasan elaun mencari pekerjaan kepada individu terkesan

Graduan Baharu Lulusan Sekolah Pekerja Sektor Tidak Formal

**Elaun sekarang-kurangnya RM300**

**PROGRAM JANAPRENEUR**

**RM125 juta**



Memanfaatkan 30,000 individu

Belia lepasan sekolah & graduan

Jaminan pekerjaan selepas latihan



>20,000 Pencari Kerja Ekonomi Gig

**1GB DATA INTERNET PERCUMA**

**RM500 juta**

Sehingga 31 Dis 2021



Bakal memanfaatkan 44 juta pengguna

**PAKEJ PEMULIH**

**peMuliH**  
 Fokus Pertama: Meneruskan Agenda Pemulihan Ekonomi

**BANTUAN KHAS COVID-19 (BKCI)**

Kategori Pemohon	Keputusan	Keputusan
Miskin Tegar	RM1,300	RM500
B40	RM890	RM200
M40	RM250	RM100

**peMuliH**  
 Fokus Pertama: Meneruskan Agenda Pemulihan Ekonomi

**SUBSIDI BAHAN API**  
**>RM6 bilion**  
 Petrol RON95, diesel & LPG

**PEHAMBABAIKAN LANGKAH KAWALAN HARGA MINYAK MASAK**  
**RM30/botol**  
 Harga siling

**peMuliH**  
 Fokus Kedua: Menyokong Pemulihan

**PROGRAM SUBSIDI UPAH 4.0**

Sehingga **500** / Majikan pekerja  
**RM600** setiap pekerja untuk 4 bulan\*

**TIADA HAD GAJI DITETAPKAN**

\*Majikan wajib dibayar dalam masa 2 PMK. 2 bulan berikutnya khusus bagi sektor yang dikecualikan dalam senarai negeri dalam Fasa 2.

**peMuliH**  
 Fokus Ketiga: Menyokong Pemulihan

**BANTUAN KHAS GOLONGAN OKU**

**Peruntukan RM30 juta**  
 Bantuan kewangan RM200/bulan untuk 3 bulan bagi individu OKU yang hilang/gada pekerjaan  
 Dijangka membolehkan 20,000 OKU

**peMuliH**  
 Fokus Kedua: Menyokong Pemulihan

**KWSP EPF PROGRAM I-CITRA**


**Pengeluaran sehingga RM5,000**  
 (RM1,000/bulan bagi 5 bulan)

**Implikasi Kewangan RM30 bilion**  
 Dijangka Membolehkan 12.6 juta ahli

**peMuliH**  
 Fokus Ketiga: Menyokong Pemulihan

**MORATORIUM SELAMA 6 BULAN TANPA SYABAT**

**Kemudahan untuk B40, M40, T20 & USAHAWAN MIKRO**



# Three-pronged

## focus

### Focus 1: Rakyat

#### RM10bil cash aid



> **RM125mil** for Janapreneur programme

> **RM300,000** for each MP for the food basket programme



> **RM1bil** subsidy for cooking oil

> Electricity bill rebates worth **RM346mil**



> Continuation of the free daily **1GB** data initiative